



Jahjaiton Arsad, Mohd Kamal Azman Jusoh &
Saiful Johari Musahar

Hubungan *Al-Tijarah* dan Dunia Akademik dari Perspektif Islam

Jahjaiton Arsad
Mohd Kamal Azman Jusoh
Saiful Johari Musahar

ABSTRAK

Arus perkembangan kehidupan masyarakat Islam sekarang menampakkan kecenderungan masyarakat hanya memfokuskan kepentingan dan keuntungan dunia khususnya dalam perniagaan. Perkembangan ini berlaku sama ada di luar maupun dalam dunia akademik. Ia mendedahkan satu situasi yang menarik kepada penulis untuk menilai dan meneliti perkataan perniagaan (*al-tijarah* secara umum) yang terdapat di dalam al-Quran. Berdasarkan indeks, terdapat sebanyak 7 ayat pengulangan perkataan *al-tijarah* di dalam al-Quran yang menerangkan majoriti manusia mudah terpengaruh dengan perniagaan dunia berbanding perniagaan ukhrawi. Allah SWT telah menerangkan kepada manusia beberapa sifat negatif yang selalu dilakukan oleh manusia. Fenomena perniagaan atau pekerjaan dalam apa jua bentuk belum tentu menunjukkan perkara yang positif berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk yang diambil dari al-Quran. Fokus utama tulisan ini ialah untuk mengajak semua staf akademik supaya dapat menghayati tugasannya sehari-hari dalam konteks *al-tijarah* dalam al-Quran, dan semoga keuntungan yang diperolehi dapat dinikmati di dunia dan akhirat. Kupasan dari tulisan ini boleh dijadikan sebagai panduan dan landasan untuk perkembangan nilai kerohanian di kalangan staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang khasnya dan UiTM seluruh cawangan secara amnya yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran. Kefahaman tentang pengajaran dan pembelajaran dari al-Quran sudah tentu akan memberi impak yang positif ke arah pemantapan dan kecemerlangan akademik yang bertunjangkan kepada aqidah Islam.

Kata Kunci : *Al-Tijarah, dunia akademik, perspektif Islam*

Pendahuluan

Al-Quran membicarakan hal berkaitan kegiatan perniagaan dengan perkataan *al-tijarah* dalam berbagai tujuan sebanyak tujuh kali. Di samping itu terdapat juga perkataan berkaitan urusan perniagaan iaitu *al-bai'* bermaksud jual beli dan perkataan *Ibtaghah* yang merujuk kepada aktiviti mencari rezeki.

Perniagaan diertikan secara ringkas sebagai “Saling bertukar manfaat” (Abdul Sami’al-Misri, 1993). Semenjak manusia wujud dahulu, manusia terkenal sebagai makhluk yang hidup bermasyarakat, di mana setiap individu dalam masyarakat tersebut saling memerlukan kepada yang lain, sama ada barang keperluan hidup sehari-hari atau perkhidmatan dan sebagainya. Oleh itu, tidak salah kalau kita katakan bahawa perniagaan juga telah wujud semenjak mula wujudnya insan di atas muka bumi ini. Perniagaan pada zaman dahulu masih lagi diamalkan pada hari ini terutama di kawasan pedalaman benua Afrika, malah dalam masyarakat moden hari ini pun masih menjalankan perniagaan secara ini terutama semasa krisis ekonomi sedang berlaku, di mana setengah-setengah negara terpaksa menjual barangnya kepada negara luar untuk mendapatkan barang keperluan yang lain.

Dalam masyarakat Arab Kuno, perniagaan adalah sebagai sumber penting mata pencarian mereka. Para kafilah merantau ke timur dan barat, utara dan selatan Semenanjung Tanah Arab untuk membawa barang-barang perdagangan mereka ini sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran surah al-Quraish, ayat 1-4, Maksudnya:

“Telah menjadi kebiasaan bangsa Quraish mengembara di musim sejuk dan musim panas. Oleh itu sembahlah Penjaga (Allah) rumah ini (Ka’abah) yang memberi makan kepada kamu ketika lapar dan melindungi kamu dari ketakutan”.

Allah telah mengurniakan bangsa Quraish kemahiran dalam bidang perniagaan sebagai sumber utama hidup mereka sebagai ganti keadaan bumi mereka yang kering-kontang, hanya sedikit sangat didapati kawasan berair atau tumbuh-tumbuhan. Itulah yang mendorong mereka merantau untuk bermiaga. Pada musim sejuk mereka pergi ke negeri Yaman (selatan), manakala di musim panas mereka pergi ke negeri Syam (Utara). Selepas kedatangan Islam, kedudukan perniagaan terus dikekalkan di tempatnya yang tinggi.

Islam menganggap perniagaan ini bukan hanya sebagai jalan memudahkan pertukaran barang-barang keperluan, malah ia juga sebagai suatu khidmat kepada masyarakat Islam seluruhnya. Dengan berdasarkan

kONSEP KHIDMAT KEPADA MASYARAKAT Inilah maka kertas kerja ini akan membincarkan konsep khidmat yang ada di dalam dunia akademik berdasarkan perkataan *al-tijarah* yang terdapat di dalam Islam.

Maksud *A-Tijarah*

Al-tijarah menurut Ibrahim et al. (1989) ialah :

1. barang-barang yang diperniagakan
2. perniagaan berasaskan pertukaran harta atau barang untuk tujuan keuntungan

Pekerjaan Seorang Peniaga

Istilah yang berkaitan *al-bai'* (Ibrahim et al. (1989): 79) bermaksud jual beli pertukaran barang yang dinilai dengan duit. Manakala perniagaan di dalam Kamus Dewan (2005,) muka surat 1080 bermaksud 'perihal bermiaga atau perdagangan dan jual beli'. memberi erti urusan menjual dan membeli barang antara peniaga atau penjual dan pembeli.

Dalil *Al-Tijarah* dalam Al-Quran

Di dalam al-Quran antara dalil yang berkait dengan *al-tijarah* dikaitkan dengan sifat-sifat dan perlakuan yang pelbagai. Dalam kertas kerja ini dinyatakan sifat-sifat yang menjurus kepada *al-tijarah* yang dikaitkan dengan kerjaya pensyarah. Antara sifat-sifat yang diperingatkan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran ialah :

Perniagaan adalah pekerjaan bersifat adil yang mempunyai unsur kerelaan

{ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْتَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِحْمَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مُّنْكَرٌ وَلَا
تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا }
(Al-Nisa' : 29)

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu; Sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu".

Jangan jadikan perniagaan atau sesuatu pekerjaan itu, sebagai penghalang dalam kita melakukan pengabdian kepada Allah S.W.T.

{ قُلْ إِنَّ كَانَ آتَاكُمْ وَآتَيْنَاكُمْ وَإِخْرَاجَكُمْ وَأَزْوَاجَكُمْ وَعَشِيرَتَكُمْ وَأَمْوَالَ اقْرَفْتُمُوهَا وَتَجَارَةً تَحْسِنُونَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضُونَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجَهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَصُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ }

(Al-Taubah : 24)

Maksudnya:

"Katakanlah: "Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatiri kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai dari Allah dan RasulNya dan dari berjihad di jalan nya, Maka tunggulah sampai Allah mendatangkan Keputusan NYA". Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik".

Antara sifat seorang mukmin ialah mereka sentiasa ingatkan Allah, mendirikan solat dan membayar zakat sekalipun mereka sibuk dengan urusan kerja mereka

{ رِجَالٌ لَا نُلْهِيهِمْ تِجَارَةً وَلَا يَبْغُ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَنَقَّلُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ }

(Al-Nur : 37)

Maksudnya:

"Laki-laki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual beli dari mengingati Allah, dan (dari) mendirikan sembahyang, dan (dari) membayarkan zakat. Mereka takut kepada suatu hari yang (di hari itu) hati dan penglihatan menjadi goncang".

Menurut al-Quran perniagaan yang paling menguntungkan ialah perniagaan bagi sesiapa yang beriman kepada Allah dan RasulNya, berjihad di jalan Allah dengan diri dan harta, mengutamakan ilmu al-Quran, mendirikan solat dan membayar zakat

{ إِنَّ الَّذِينَ يَتَلَوَّنَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَانفَقُوا مِمَّا رَزَقَنَاهُمْ سِرًا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لُّنْ ثَيُورَ }

(Fathir : 29)

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian dari rezeki yang kami anugerahkan kepada mereka dengan diam-diam dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan merugi”.

{يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هُلْ أَدْلُكُمْ عَلَى تِجَارَةٍ تُحِبُّكُمْ مِّنْ عَذَابِ أَلِيمٍ . تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ . يَعْفُرُ لَكُمْ ذُنُوبُكُمْ وَيُدْخِلُكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَسَاكِنٌ طَيِّبَةٌ فِي جَنَّاتٍ عَذَنِ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ }

(Al-Saf : 10-12)

Maksudnya:

“10. Hai orang-orang yang beriman, suakah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkanmu dari azab yang pedih? 11. (Iaitu) kamu beriman kepada Allah dan RasulNya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwamu. Itulah yang lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui. 12. Nescaya Allah akan mengampuni dosa-dosamu dan memasukkanmu ke dalam jannah yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; dan (memasukkan kamu) ke tempat tinggal yang baik di dalam jannah 'Adn. Itulah keberuntungan yang besar”.

Amalan Penting dalam Dunia Akademik Berdasarkan Dalil Al-Tijarah

Sepertimana yang kita sedia maklum, Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah merupakan institusi pengajian tinggi yang menawarkan perkhidmatan pendidikan kepada pelajar-pelajarnya bermula dari peringkat sijil hingga ke peringkat tertinggi iaitu Doktor Falsafah. Dalam konteks ini, pelajar adalah merupakan pelanggan utama UiTM manakala pensyarahnya pula adalah merupakan tenaga kerja yang digaji oleh pihak majikan iaitu UiTM untuk mendidik dan mengajar bangsa Melayu dan kaum bumiputera agar menjadi insan yang berusaha, bertakwa dan mulia.

Justeru, cabaran pensyarah sebenarnya bukanlah semata-mata untuk mendidik dan mengajar pelajar menjadi cemerlang di bidang akademik sahaja malah yang lebih penting dari itu ialah usaha secara berterusan untuk menerapkan nilai-nilai murni dan positif yang sentiasa berlandaskan hukum dan aqidah Islam. Kita tidak mahu melihat dalam

keghairahan kita mencipta kecemerlangan akademik, kita, pensyarah mahupun pelajar-pelajar lupa atau lalai akan tugas dan tanggungjawab kita kepada Allah swt dan agama.

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang dinyatakan sebelum ini, dapat dirumuskan beberapa amalan penting yang mesti dilaksanakan oleh staf akademik untuk mencapai keuntungan yang seimbang, iaitu beroleh keuntungan di dunia dan akhirat. Ianya adalah :

- Jihad
- Solat
- Zakat
- Sedekah
- Al-Quran

Jihad

Jihad bermaksud apa saja bentuk perjuangan yang tujuannya untuk meluhurkan dan meninggikan kalimat Allah, yakni agama Islam. Surah Ali Imran ayat 104 bermaksud :

“Adakanlah di antara kamu suatu umat yang mengajak kepada kebaikan, menyuruh mengerjakan yang baik dan melarang mengerjakan yang mungkar, dan mereka itulah orang-orang yang beruntung”.

Surah al-Maidah ayat 35 bermaksud :

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah, dan carilah jalan untuk mendekatkan diri kepadaNya, serta berjuanglah pada jalanNya mogamoga kamu beruntung”.

Ayat-ayat di atas mempunyai kaitan antara satu dengan yang lain. Pengertiannya perlu betul-betul difahami dan didalami oleh umat Islam agar ia dapat membentuk peribadi dan jiwa yang bersih dan suci. Ayat di atas juga menyeru manusia akan sentiasa mensucikan jiwa, bertaqwah dan beramal soleh.

Solat

Solat adalah wasilah, tujuan dan perkara yang mengukuh dan memperdalamkan makna-makna penghambaan, ketauhidan serta kesyukuran terhadap Allah swt. Surah al-Ankabut ayat 29 yang bermaksud :

“Sesungguhnya solat itu dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar”

Terdapat enam (6) perkara yang digariskan bagi memperolehi kesempurnaan solat iaitu:

1. hadirnya hati,
2. memahami makna ayat-ayat dan surah-surah yang dibaca,
3. memahaagungkan Allah,
4. segan sebab takut akan segala dosa, kelemahan dan kekurangan yang ada pada diri,
5. mengharapkan rahmat, petunjuk, keredhaan, keberkatan dan kemaafan dari Allah dan
6. adanya perasaan malu

Zakat

Surat al-Baqarah, ayat 43 yang bermaksud:

“Dan dirikanlah solat, keluarkan zakat dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk.”

Dari sudut pengertian Islam, ia adalah kadar yang ditetapkan ke atas harta-harta tertentu, dikeluarkan kepada orang yang tertentu dan mempunyai syarat-syarat yang sudah ditentukan. Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang bercorak kemasyarakatan dan bertujuan melahirkan keseimbangan dan mendekatkan jurang perbezaan serta mengekalikan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat (Haron Din, 2007)

Terdapat 5 jenis harta benda yang diwajibkan zakat iaitu:

1. hasil bercucuk tanam
2. barang-barang dagangan yang boleh diniagakan
3. harta kekayaan (emas, perak atau mata wang yang sah laku)
4. binatang-binatang ternakan (kambing, biri-biri, kerbau, lembu dan unta)
5. harta “rikaz” (harta karun)

Di samping itu, terdapat juga syarat-syarat wajib zakat harta:

- Islam
- Cukup nisbah
- Sempurna haul (harta yang dimiliki itu sudah genap setahun mengikut tahun Hijrah)
- Milik yang sempurna

- Ketentuan tuannya

Sementara itu, kadar zakat bagi zakat wang dan zakat perniagaan ialah sebanyak 2½ peratus.

Sedekah

Bersedekah boleh dilakukan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira masa dan tempatnya. Sedekah juga tidak semestinya dalam bentuk wang ringgit dan harta semata-mata malah termasuk menyumbangkan masa, tenaga dan buah fikiran ke arah sesuatu yang baik dan berfaedah.

Menurut al-Quran, harta benda yang sebaik-baik disedekahkan adalah harta yang disayangi. Firman Allah S.W.T di dalam Surah al-Baqarah (177) yang bermaksud :

“Dan dermakanlah harta yang disayanginya kepada kaum keluarga.”

Al-Quran

Al Quran adalah kalamullah, keutamaannya atas semua kalam bagaikan keutamaan Allah atas ciptaan-Nya, dan membacanya adalah sebaiknya gerakan lidah. Banyak keutamaan belajar Al Quran, mengajarkan dan membacanya, di antaranya :

Pahala mengajarkannya

Rasulullah S.A.W bersabda:

“Sebaik-baik kalian adalah orang yang belajar Al Quran dan mengajarkannya”.

(HR.Bukhari)

Pahala membacanya

Rasulullah S.A.W bersabda :

“Barang siapa yang membaca satu huruf dari Al Quran maka baginya satu kebaikan dan kebaikan berlipat sepuluh kali”

(HR. At Tirmidzi)

Syafaat Al-Quran bagi pembacanya di hari akhirat

Rasulullah S.A.W bersabda :

“Bacalah Al Quran sesungguhnya ia datang di hari kiamat

sebagai syafaat bagi pembacanya”

(HR.Muslim)

Dalam hadith lain sabda Rasulullah S.A.W:

“Puasa dan Al Quran akan memberikan syafaat bagi seorang hamba di hari kiamat”

(HR.Ahmad dan Al-Hakim)

Pahala bagi orang yang berkumpul untuk membaca Al Quran dan mempelajarinya

Rasulullah S.A.W bersabda :

“Tidak satu kaum berkumpul di salah satu rumah Allah membaca kitabNya dan mempelajarinya di antara mereka kecuali diturunkan bagi mereka ketenangan, diliputi mereka dengan rahmat dan mereka diliputi malaikat dan Allah menyebutkan pada hamba-hambanya yang ada di sisinya”

(HR.Abu Daud)

Amalan Penting Dalam Dunia Akademik Berdasarkan Dalil *Al-Tijarah*

Persoalan *al-tijarah* yang terdapat di dalam al-Quran ini amat relevan dengan kecemerlangan yang sepatutnya di dalam dunia akademik dan juga dalam kehidupan secara amnya. Kecemerlangan yang dimaksudkan ialah cemerlang di dunia dan akhirat. Ia juga bersesuaian dengan konsep “*tawazun*” bermaksud keseimbangan antara akal dan hati nurani, antara penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi dengan nilai-nilai moral dan fikir dengan zikir. (Majid Ersan al-Kalani, 1997:10).

Dalam konteks falsafah pendidikan negara, insan yang dihasratkan berhasil oleh proses pendidikan ialah:

Pendidikan Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan memakmurkan masyarakat dan negara.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990:6)

Dalam konteks UiTM pula, graduan yang akan dihasilkan dinyatakan oleh Prof. Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah (2004) sebagai graduan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berpengetahuan dan berkemahiran
- Kreatif, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global dan analatikal
- Rasional, terbuka, berpandangan jauh, berketerampilan, bebas dan yakin
- Berdikari dan berdaya saing serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan, keusahawanan, dan kemahiran pengurusan yang tinggi
- Mempunyai kecerdasan dan ketahanan mental serta fizikal yang berpanjangan
- Mempunyai sifat jati diri, patriotik, berterima kasih dan bersyukur
- Beretika, bertaqwa, berakhlik mulia serta mempunyai ciri-ciri personaliti yang seimbang, harmonis dan holistik.

Konsep “*tawazun*” yang akan diterapkan di dalam diri pelajar seperti yang dibincangkan di atas dapat diterjemahkan melalui usaha para ahli akademik dengan berteraskan kepada beberapa perkara yang terdapat di dalam dalil berkaitan *al-tijarah* ini. Usaha, Taqwa dan Mulia yang dahulunya amat sinonim dengan Institut Teknologi MARA (ITM) juga menggambarkan kaitan dengan budaya dalam perniagaan iaitu mesti berusaha, bertaqwa maka akan lahir seorang peniaga yang dipandang mulia. Begitu juga sebagai seorang warga akademik akan dipandang mulia apabila berusaha dan bertaqwa kepada Allah S.W.T.

Berdasarkan dalil *al-tijarah* yang terdapat di dalam al-Quran disarankan semua kakitangan akademik UiTM Pahang khasnya dan UiTM seluruh negara amnya melaksanakan perkara-perkara berikut iaitu:

Jihad dalam Pekerjaan

Menjadikan amalan jihad yang terdapat di dalam Islam sebagai satu keutamaan di dalam pekerjaan. Kalau seorang peniaga amat bersungguh-sungguh dan berjihad di dalam perniagaan mereka, maka ahli akademik juga perlu berusaha dan berjihad dalam kerjaya sehari-hari. Proses jihad yang diamalkan berkait rapat dengan peranan niat di dalam kerjaya sehari-hari. Oleh itu sebelum memulakan kelas lebih elok dimulakan dengan mengingatkan diri dan pelajar tentang pembelajaran yang dilakukan bukan hanya memfokuskan kepada kehadiran dan gaji sahaja bahkan yang paling penting ialah kerana Allah S.W.T.

Oleh itu proses pendidikan akan berupaya mendidik dan mengawasi batin yang membentangi jiwa daripada pelbagai penyakit psikologi, putus asa

dan kecewa sangat diperlukan. Demikian juga peranan pendidik yang meringankan beban musibah, mendorong semangat berkorban dan berusaha untuk melahirkan manusia yang cemerlang di dunia dan akhirat. Firman Allah s.w.t di dalam surah al-Syu'araa' ayat 109 yang bermak-sud:

"Aku sekali-kali tidak minta upah kepadamu atas ajakan-ajakan itu, upahku tidak lain hanyalah daripada Tuhan semesta alam".

Amalan Solat dalam Kehidupan

Amalan solat adalah yang terpenting dalam kehidupan manusia. Pentingnya ibadah solat sehingga anak boleh dipukul apabila berumur sepuluh tahun untuk mendidik mereka ke arah menunaikan solat. Justeru, solat dan pendidikan adalah hubungan yang cukup erat. Oleh itu, sebagai warga akademik muslim, maka solat adalah agenda terpenting dalam diri pensyarah dan juga para pelajar. Walaupun semasa berada di dalam kelas boleh berniat sebagai melakukan ibadah umum, namun jika tidak melakukan ibadah solat maka proses pembelajaran tersebut tidak dikira sebagai ibadah dalam Islam.

Walaupun sesibukmanapun dengan tugasan pengajaran, ibadah solat tidak boleh diabaikan. Begitu juga seorang peniaga yang menjalankan perniagaan tidak boleh mengabaikan solat walaupun perniagaan itu penting. Ini adalah asas penting untuk melahirkan manusia yang bertaqwa dan cemerlang di dunia dan di akhirat.

Amalan Zakat dan Sedekah

Harta adalah keperluan dalam kehidupan manusia sama ada untuk hidup mahupun beribadah kepada Allah S.W.T. Dalam Islam terdapat panduan mencari harta yang halal dan menganjurkan cara menggunakan ke arah yang direhdai agar harta yang diperolehi memberi kesan kepada kehidupan. Gaji serta imbuhan yang diperolehi mestilah halal kerana amalan sedekah dan zakat berkait rapat dengan pemilikan harta yang halal. Oleh itu segala tuntutan perjalanan, masa mengajar dan lain-lain perkara berkaitan kewangan mestilah jelas dan halal.

Harta halal yang diperolehi perlu dimanfaatkan untuk diri sendiri, keluarga dan golongan yang berhak dari harta tersebut. Oleh itu amalan berzakat dan bersedekah dapat menjadikan kehidupan manusia lebih bermakna. Sesungguhnya seseorang yang mengeluarkan zakat menandakan dia telah melepassi paras kemiskinan. Zakat ini akan melahirkan kesan positif terhadap kesanggupan manusia untuk bekerja (Khursid Ahmad, 1991, p.188). Amalan berzakat akan menjadikan

seseorang itu lebih berusaha dari berdiam diri, malahan dengan berzakat akan membersihkan diri dan harta. Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Taubah, ayat 103 yang bermaksud:

“Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka...”

Dengan itu warga akademik yang mengeluarkan zakat dan bersedekah akan lebih cemerlang hidupnya di dunia dan akhirat. Kecemerlangan kehidupan ini perlu diterapkan di dalam diri para pelajar agar apabila mereka berkerjaya nanti, amalan ini akan dilaksanakan.

Mengutamakan al-Quran

Al-Quran adalah panduan dalam kehidupan. Mengutamakan al-Quran adalah satu kemestian bagi menjamin kecemerlangan dunia dan akhirat. Dalam pengajaran sehari-hari, aspek-aspek yang berkaitan dengan al-Quran perlu disentuh dalam pengajaran kerana ilmu yang terdapat di dalam al-Quran meliputi dari segenap aspek kehidupan sama ada dalam aspek ekonomi, politik, sosial, falsafah dan sebagainya. Di samping itu kegiatan sehari-hari mestilah berteraskan al-Quran dengan membaca dan mengamalkannya. Justeru warga akademik dan pelajar yang menjadikan al-Quran tidak akan melakukan perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T dan akan lahir insan yang bertaqwah.

Untuk melakukan sesuatu yang elok dan sempurna bukanlah suatu perkara yang senang dan mudah. Ia pastinya berhadapan dengan cabaran dan halangan. Begitu juga dengan usaha untuk melahirkan manusia yang seimbang dunia dan akhirat. Oleh itu konsep *al-tijarah* yang dibincangkan perlu diperkuuhkan dan diseimbangkan dengan perkara-perkara lain. Oleh itu, pandangan Prof. Muhamad Kamal Hassan (1988) dirasakan masih relevan apabila beliau telah menghuraikan di antara faktor yang boleh melunturkan keperibadian insan dalam membina insan yang seimbang. Di antara faktor tersebut ialah:

- Ibu bapa dan keluarga yang tidak mementingkan akhlak kerana terlalu ghairah terpengaruh dengan kehidupan kebendaan.
- Tidak ramai pemimpin atau negarawan yang boleh dijadikan teladan akhlak yang mulia.
- Dasar pembangunan yang masih dualistik yang tidak menekankan kesepadan pembangunan insan. Ini menyebabkan pertumbuhan ekonomi tidak dijiwai oleh akhlak yang mulia.

- Amalan ekonomi pasaran bebas yang menekankan pertumbuhan satu asas yang telah memihak kepada modal dan golongan berada mempengaruhi sikap dan perlakuan golongan terpelajar yang sebahagian besarnya mementingkan kelulusan akademik dan mengurangkan nilai-nilai akidah yang mulia.
- Wujudnya tekanan daripada golongan pimpinan di sekolah dan pusat pengajian tinggi supaya nilai-nilai agama dan akhlak terus terpisah daripada pendidikan profesional sehingga dasar “penerapan nilai-nilai Islam” tidak mendapat sambutan yang ikhlas. Di se-setengah institusi, sambutan itu berbentuk “*lip – service*” sahaja.
- Dasar pendidikan yang berorientasikan kecemerlangan akademik semata-mata yang beroperasi di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi melemahkan nilai-nilai kerohanian dan akhlak.
- Sikap guru atau pensyarah yang terpengaruh dan terbawa-bawa dengan kepentingan kebendaan dan persaingan keduniaan sehingga melemahkan peranan mereka sebagai pendidik yang sejati. Persekitaran yang mendorang kehidupan yang tidak menekankan akhlak yang mulia tetapi menunjukkan bahawa kejayaan dan kesenangan hidup banyak bergantung kepada faktor-faktor wang, pengaruh, status kedudukan dalam parti, perlindungan politik, hubungan dengan golongan atasan dan pragmatisme.
- Peranan budaya liberal dan media massa, cetak dan elektronik yang menonjolkan nilai-nilai kehidupan kebendaan, keseronokan hawa nafsu dan kebebasan individu yang melampaui batas kesusilaan.

Kesimpulan

Sesungguhnya tugas sebagai seorang pendidik sama ada di sekolah maupun di pusat pengajian tinggi adalah sungguh mulia. Kemuliaan yang diperolehi tentunya bersandarkan kepada aspek-aspek tertentu yang terdapat dalam Islam. Kupasan kertas kerja ini sedikit sebanyak dapat menyatakan perkara-perkara yang perlu ditekankan seperti perkataan *al-tijarah* yang terdapat di dalam al-Quran.

“Usaha yang baik untuk merealisasikan insan cemerlang di dunia dan akhirat adalah amat diperlukan dan sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada kehidupan kampus secara keseluruhan. Kerjasama dan penggembelingan usaha semua pihak wajar difokuskan untuk mengukuhkan keseriusan membina pelajar. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “Barang siapa

yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya.”

(al-Zalzalah: 7)

Oleh itu, sebagai tenaga pengajar yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tidak dapat tidak kita semua mestilah menghayati konsep *al-tijarah* yang akan memberikan keuntungan seimbang di dalam kehidupan. Dengan kefahaman dan penghayatan yang mendalam, insya’allah akan lahir dari UiTM amnya dan UiTM Pahang khasnya modal insan yang bertaqwa, yang akan memberi kesan positif dalam hidup di dunia dan juga di akhirat nanti.

Rujukan

Al-Quran.

Abdul Sami’al-Misri. (1993). *Perniagaan Dalam Islam*. (Trj. Ahmad Hj Hasbullah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Danial Zainal Abidin. (2007). *Tip-Tip Cemerlang daripada Quran*. Batu Cave : PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.

Haron Din. (2007). *Menjawab Persoalan Fikah Harian*. Batu Cave : PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.

Ibrahim Abu Shah. (2004). *Perutusan Tahun Baru 2004*. UiTM, Shah Alam.

Ibrahim Mustafa, Ahmad Hassan al-Zayyat, Hamid Abd Qadir & Muhammad Ali al-Najjar. (1989). *Al-Mu’jam al-Wasit*. Turki : Dar al-Da’wah.

Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khursid Ahmad. (1991). *Kajian Dalam Ekonomi Islam*. (Trj. Sibly Maros & Amir Hussin Baharuddin). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majid Ersan al-Kalani. (1997). *Mendidik Peribadi Muslim*. (Trj. Muhammad Firdaus). Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Manual IEP 200. (1999). *Perniagaan Dalam Islam*. Universiti Teknologi MARA, Kampus Jengka Pahang.

Mahmud Yunus. (1992). *Tafsir Quran*. Kelang: Klang Book Centre. Muhamad Kamal Hassan. (1998). *Pendidikan dan Pembangunan : Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Muhammad Fuad al-Baqi. (1994). *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaaz al-Quran al-Karim*. Beirut : Dar al-Ma'rifah.

Said Hawwa. (1992). *Induk Pensucian Diri*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

JAHJAITON ARSAD, Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat, Universiti Teknologi MARA Pahang. jayjay@pahang.uitm.edu.my

MOHD KAMAL AZMAN JUSOH, Centre of Islamic Thought and Understanding, Universiti Teknologi MARA Pahang. mkamalazman@pahang.uitm.edu.my

SAIFUL JOHARI MUSAHAR, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Pahang. abuwajdee@pahang.uitm.edu.my